

## **Ucapan Perasmian**

**Yang Berhormat  
Tuan Baru Bian  
Menteri Kerja Raya**

sempena

**SEMINAR PEMANTAPAN KONTRAKTOR DAN PENERANGAN  
PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 BUMIPUTERA DI LAWAS,  
SARAWAK**

**Hotel Seri Malaysia Lawas, Sarawak  
20 Disember 2019 (Jumaat)**

---

Para tetamu kehormat,  
Wakil-wakil media,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
Salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Saya berbesar hati kerana kita dapat bersama-sama hadir di **Seminar Pemantapan Kontraktor Dan Penerangan Pendaftaran Kontraktor G1 Bumiputera Di Lawas, Sarawak**, anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai CIDB Malaysia selaku penyelaras utama, serta pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) yang terlibat dalam menjayakan seminar ini, bersempena dengan Karnival Krismas Lawas 2019.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

### **Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1**

3. Baru-baru ini KKR menerusi CIDB Malaysia telah melancarkan pembukaan semula pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) di Langkawi. Seperti yang anda sedia maklum, Kerajaan Persekutuan telah membuka semula pendaftaran bagi kategori ini setelah dibekukan selama 14 tahun bagi memberi peluang kepada kontraktor baharu Bumiputera terutamanya generasi muda yang berkelayakan teknikal untuk terlibat dengan lebih aktif dalam industri pembinaan khususnya mengendalikan projek-projek Kerajaan.
4. KKR sememangnya menyambut baik keputusan ini kerana kini kontraktor Bumiputera generasi baharu mempunyai peluang untuk menimba pengalaman untuk meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan mereka ke gred yang lebih tinggi dari masa ke semasa.
5. Selain itu, menerusi penglibatan golongan muda yang celik teknologi juga dilihat dapat mempercepatkan perkembangan industri pembinaan Malaysia menerusi penggunaan teknologi-teknologi baharu, sekaligus melahirkan generasi pelapis dalam industri pembinaan yang cekap dan berdaya saing.

### **Statistik Kontraktor G1**

6. Setakat ini, secara **keseluruhannya** seramai **63,679** kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB. Di **Sarawak** khususnya, seramai **7,220** kontraktor G1 yang berdaftar yang mana daripada jumlah ini, di Lawas sahaja terdapat seramai **205** kontraktor G1.
7. Saya berbesar hati kerana **sejak pembukaan semula pendaftaran G1** pada 1 September yang lalu, CIDB telah menerima sebanyak **4,119** permohonan yang mana sebanyak **200** kini sedang diproses dan sebanyak **3,516** permohonan telah diluluskan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

### **Inisiatif-inisiatif Pemerkasaan Kontraktor**

8. KKR sememangnya sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi melahirkan lebih ramai kontraktor daripada golongan Bumiputera yang berkemahiran dan boleh digilap hingga mampu bersaing di persada antarabangsa.
9. Pemerkasaan kontraktor Gred G1 merupakan usaha yang penting kerana ia merupakan satu titik permulaan untuk kontraktor baru menceburi dan menimba pengalaman di dalam industri pembinaan. Justeru itu, KKR menerusi CIDB Malaysia melaksanakan pelbagai program untuk memperkasakan kontraktor-kontraktor tempatan, termasuk golongan Bumiputera, bagi melahirkan lebih ramai kontraktor yang berkompetensi dan berdaya saing di dalam bidang pembinaan menjelang tahun 2020.
10. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berbahagia Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid sebentar tadi, pelbagai program telah dilaksanakan seperti **Program Usahawan Muda, Contractor4U** dan **E-Learning**. Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030, CIDB menerusi Akademi Binaan Malaysia telah memperkenalkan **Program Usahawan Muda** untuk memberi peluang kepada pemegang Sijil Kecekapan Kemahiran CIDB menceburi bidang perniagaan di dalam industri binaan.
11. Saya percaya bahawa para hadirin sekalian yang mengikuti taklimat **Contractor4U** dan **E-Learning** sebentar tadi, sedikit sebanyak sudah memahami mengenai kedua-dua insiatif tersebut.
12. Dengan adanya aplikasi telefon **Contractor4U**, kontraktor-kontraktor yang berdaftar boleh mempromosikan perkhidmatan mereka secara langsung kepada pengguna. Ini dapat memastikan pemilik-pemilk rumah ataupun perniagaan mendapatkan perkhidmatan daripada kontraktor yang berdaftar dan bertauliah, sekaligus mengurangkan budaya mendapatkan perkhidmatan daripada kontraktor

asing dan juga yang tidak berdaftar.

13. Tambahan lagi, CIDB juga telah membangunkan **Portal E-Learning** untuk memudahkan kontraktor-kontraktor yang baru berdaftar untuk mengikuti kursus pada bila-bila masa mengikut kesesuaian pihak terbabit. Dengan ini, keberkesanan kursus juga dapat ditingkatkan.

14. Di samping itu, KKR turut menumpukan kepada pembangunan kontraktor dengan menerapkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam melahirkan kontraktor tempatan yang berkualiti dan produktif. Saya amat berbesar hati kerana inisiatif ini turut disokong oleh agensi-agensi lain seperti yang kita dapat saksikan di sini pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

### **Ke Arah Ekonomi Berasaskan Produktiviti**

15. Dalam kita melangkah ke tahun 2020, industri pembinaan haruslah bersiap sedia untuk lonjakan seterusnya dan mendepani cabaran serta permintaan perkembangan Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0. Oleh sebab itu, ianya amat penting bagi para kontraktor untuk sentiasa meningkatkan kompetensi dan menggunakan teknologi semasa agar industri pembinaan kekal maju dan berdaya saing.

16. Seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk menuju ke arah ekonomi berasaskan produktiviti, KKR akan memperkuuhkan lagi kerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan serta agensi-agensi lain untuk melahirkan kontraktor-kontraktor dalam kalangan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan diakreditasi di Malaysia. Secara tidak langsung, inisiatif-inisiatif ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

17. Justeru itu, saya berharap dengan penglibatan generasi baharu dalam kategori G1 ini, kita dapat menyaksikan kemajuan dan peningkatan dalam penggunaan teknologi terkini dalam kalangan kontraktor-kontraktor Bumiputera. Secara

langsung, ini akan memberi galakan kepada kontraktor G1 sedia ada untuk mara ke gred yang lebih tinggi dari masa ke semasa serta mengurangkan kebergantungan kepada projek-projek Kerajaan semata-mata.

## **Penutup**

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari ini untuk memanfaatkan segala peluang yang ditawarkan di sini. Selain daripada menghadiri sesi taklimat yang dianjurkan, anda juga boleh bersua kenal, bertukar pendapat ataupun mendapatkan nasihat bersama pegawai-pegawai agensi maupun sesama kontraktor.
19. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak CIDB Malaysia, SPRM dan PKBM atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan program hari ini dan menyokong usaha KKR untuk melahirkan tenaga kerja tempatan khususnya dalam kalangan Bumiputera yang berdaya saing dan berkualiti tinggi.
20. Saya yakin, dengan kerjasama seperti ini dan komitmen daripada kesemua pihak, kita dapat merealisasikan aspirasi CITP, "*Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan*".
21. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Pemantapan Kontraktor Dan Penerangan Pendaftaran Kontraktor G1 Bumiputera Di Lawas, Sarawak.**

Sekian, terima kasih.